

17 APR 2001

Pas-Amanat

PAS DAKWA TIDAK TAHU KEPUTUSAN MAJLIS FATWA BERHUBUNG AMANAT HAJI HADI

KUALA TERENGGANU, 17 April (Bernama) -- Naib Presiden Pas Mustafa Ali berkata parti itu tidak pernah dimaklumkan mengenai keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan bahawa Amanat Haji Hadi bercanggah dengan Islam.

Beliau meminta Umno menunjukkan bukti mengenai keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan itu jika ia mendakwa bahawa Amanat Haji Hadi bercanggah dengan Islam.

"Kami tidak tahu pun mengenai keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan itu dan Haji Hadi sendiri tidak dimaklumkan mengenainya...jadi Umno kena buktikan," katanya kepada pemberita di akhir persidangan Dewan Undangan Negeri hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Umno akan mengkaji bentuk tindakan terhadap Timbalan Presiden Pas Abdul Hadi Awang kerana masih mempertahankan Amanat Haji Hadi yang dibuat 20 tahun lepas.

Perdana Menteri berkata langkah itu bagi memastikan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan bahawa amanat itu bercanggah dengan Islam dihormati oleh rakyat.

Mustafa yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia Negeri berkata beliau hairan kenapa perkara itu dibangkitkan semula selepas 20 tahun.

"Kita juga perlu ambil kira mengenai senario ketika ucapan itu dibuat," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri mungkin tersalah tafsir mengenai keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan berhubung isu itu.

Abdul Hadi ketika ditemui pemberita enggan memberi ulasan lanjut berhubung kenyataan Dr Mahathir itu.

"Tunggulah tindakan lanjut yang akan diambil," katanya.

-- BERNAMA

AYB SN MAI